

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (VARSITI)

TARIKH: 23 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 8

Pelatih terbaik Pegawai Bomba Bantuan Siswa

Kuala Lumpur: Latar belakang keluarga yang sentiasa bergiat aktif dalam badan beruniform ketika menyambung pengajian di universiti mendorong pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM), Muhammad Haziq Zuhdi Sohaimi, untuk turut sama mengikut jejak langkah berkenaan.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal di UiTM Shah Alam itu membuat keputusan untuk menyertai Kor Siswa Bomba UiTM sejak Mac 2017, sebaik menyambung pengajian semester satu di universiti berkenaan.

Katanya, Kor Siswa Bomba menjadi pilihan kerana sudah bergiat aktif dalam pasukan unit beruniform berkenaan ketika berada di bangku sekolah lagi iaitu bermula dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima.

"Apabila terpilih menyambung pengajian ke UiTM, saya mendapati universiti menawarkan kursus kokurikulum Kor Siswa Bomba menyebabkan saya terus membuat keputusan

untuk mengikuti program ini.

"Pada mulanya, saya hanya menyertai badan beruniform ini sebagai ahli biasa tetapi apabila masuk semester dua, saya diberi tanggungjawab untuk menjadi Pengerusi Kor Siswa Bomba UiTM sehinggalah ke hari ini," katanya.

Sepanjang bergiat aktif dalam Kor Siswa Bomba, anak ketiga daripada empat beradik itu sudah berjaya menerima pentauliah sebagai Pegawai Bomba Bantuan Siswa pada Majlis Pentauliah sebagai Pegawai Bomba Bantuan Siswa, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 2019.

Lebih manis lagi, pada majlis yang sama, Muhammad Haziq Zuhdi turut dipilih sebagai pelatih terbaik keseluruhan UiTM.

Berkongsi mengenai cabaran yang perlu dihadapi sepanjang bergiat aktif dalam badan beruniform berkenaan, anak muda yang dilahirkan di United Kingdom (UK) itu berkata, kekangan masa adalah perkara utama yang menguji dirinya supaya sentiasa berdisiplin dalam seti-



Muhammad Haziq Zuhdi menerima anugerah daripada Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Mohammad Hamdan Wahid sempena Majlis Pentauliah sebagai Pegawai Bomba Bantuan Siswa, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 2019.

ap perkara yang dilakukan.

"Selain pengurusan masa, saya juga perlu menjadi pemimpin yang bijak kerana tanggungjawab sebagai Pengerusi Kor Siswa Bomba turut menuntut saya untuk membimbing pelajar dalam menganjur serta

mengendalikan program di dalam dan luar kampus.

"Saya juga berperanan memberi arahan kawad dan menyelia proses latihan fizikal untuk ahli Kor Siswa Bomba yang diadakan pada setiap pagi Sabtu," katanya.

PROFIL

MUHAMMAD HAZIQ ZUHDI SOHAIMI

- **Tarikh lahir:** 27 Februari 1997
- **Tempat lahir:** United Kingdom
- **Kedudukan dalam keluarga:** Anak ketiga daripada empat beradik
- **Program pengajian:** Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal, UiTM Shah Alam
- **Pencapaian:**
 - Pengerusi Kor Siswa Bomba UiTM
 - Pelatih Terbaik Keseluruhan, Malis Pentauliah
 - Pegawai Bomba Bantuan Siswa, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 2019.
 - Menyertai International Fire Conference and Exhibition Malaysia 2018 (IFCEM).